

Patah enam tulang rusuk, hati pecah dan hancur akibat dipijak

# Lagi budak mati didera

Oleh ZAINI SAMSU HADI  
mohdzaini.samsuhadi@kosmo.com.my

**PETALING JAYA** - Belum pun reda kes kematian seorang kanak-kanak perempuan, Syafiah Humaira Sahari, 3, yang mati didera pada minggu lalu, seorang lagi kanak-kanak menemui ajal dengan cara yang sama.

Kali ini ia melibatkan seorang budak lelaki, K. Haresvarran, 18 bulan, yang dipercayai mati didera ketika dihantar di rumah bekas pengasuhnya di Damansara di sini semalam.

Tembelang suspek yang bekerja sebagai kelindan lori itu terbongkar selepas dia menghantar mangsa ke sebuah klinik berhampiran kira-kira pukul 11 malam dan mendakwa mangsa sedang nazak kerana tersekat gula-gula getah yang diberikan olehnya.

Bagaimanapun, doktor di klinik tersebut telah memindahkan bayi tersebut ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) selepas mendapati kecederaan yang dialami begitu serius.

Sebaik tiba di PPUM, kanak-kanak itu telah disahkan meninggal dunia dan jururawat yang melakukan pemeriksaan mendapati dia merupakan mangsa dera dan bukannya tersekat gula-gula getah seperti yang didakwa.

Ia berdasarkan terdapat beberapa kesan lebam serta luka lama pada badan kanak-kanak berkenaan dan hasil bedah siasat mendapati enam rusuk anak kepada seorang

penerbit filem itu patah manakala hatinya pula pecah dan hancur akibat dipijak.

Ia menjadi punca kepada kematian kanak-kanak tersebut.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Arjunaidi Mohamed berkata, siasatan mendapati suspek juga dipercayai memukul dan membawa mangsa ke taman permainan berhampiran sebelum memijak kanak-kanak tersebut.

Katanya, untuk menutup tembelangnya, suspek telah membuat laporan di Balai Polis Petaling Jaya dan mendakwa kanak-kanak itu mati akibat tercekik gula-gula getah.

“Suspek ditahan sejourus membuat laporan pada tengah hari tadi (semalam) bagi membantu siasatan,” katanya pada sidang akhbar semalam.

Tambahnya, suspek yang tidak mempunyai anak itu akan direman hari ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.


Menurut Arjunaidi, ibu dan bapa mangsa sebelum ini pernah menghantar mangsa ke rumah suspek tetapi berhenti sejak tiga minggu lalu selepas mengesyaki anaknya mengalami kesan lebam dipercayai didera.

Jelas beliau, pasangan yang berusia 42 dan 23 tahun itu tidak membuat laporan polis berhubung kejadian tersebut sebelum ini walaupun curiga dengan kecederaan pada tubuh badan mangsa kerana tidak mempunyai bukti.



**HARESVARRAN** mati akibat penderaan teruk pada rusuk dan hati di Damansara semalam.

Kesan dera pada tubuh Haresvarran



Terdapat beberapa kesan luka dan lebam pada badan dipercayai dipukul dengan objek tumpul